



## PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**MCMC**) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **11 Julai 2014**. Kertas Siasatan Awam telah diterbitkan di laman web MCMC: <http://www.mcmc.gov.my>.

### “KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI PENILAIAN DOMINAN DI DALAM PASARAN KOMUNIKASI”

Tujuan Siasatan Awam ini adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mengemukakan pandangan mengenai:

- definisi pasaran;
- penemuan awal kedudukan dominan;
- Garis Panduan Kedudukan Dominan, dan
- Garis Panduan Pengurangan Persaingan yang Cukup Banyak.

Siasatan Awam ini mengambilkira perubahan di dalam pasaran komunikasi sejak beberapa tahun yang lalu dan menilai tahap persaingan di dalam pasaran tersebut.

MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai siasatan ini dengan mengemukakan penghujahan bertulis mengenai perkara khusus yang diminta seperti di atas Kertas Siasatan Awam ini. Penghujahan bertulis mengenai rasional dan analisis di dalam Kertas Siasatan Awam yang tidak dibangkit turut dialu-alukan.

Peserta digalakkan menyokong penghujahan mereka dengan justifikasi dan di mana ianya wajar, mengemukakan atau merujuk kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Penghujahan bertulis mengenai perkara yang dikemukakan hendaklah dihantar di dalam bentuk salinan cetak dan juga elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12 tengahari, Isnin, 25 Ogos 2014**.

MCMC juga akan mengadakan sesi penjelasan kepada orang ramai. Sesi penjelasan ini akan di adakan di Auditorium MCMC, Cyberjaya pada **Khamis, 7 Ogos 2014, jam 9:30 pagi**.

Orang ramai yang ingin menghadiri sesi penjelasan tersebut dikehendaki mendaftar dengan pihak MCMC secara bertulis ke alamat atau e-mel yang dinyatakan di bawah pada atau sebelum **12 tengahari, Jumaat, 25 Julai 2014**. Mereka yang ingin mengemukakan soalan semasa sesi penjelasan tersebut dikehendaki menghantar soalan berkenaan terlebih dahulu secara bertulis ke alamat atau melalui e-mel yang dinyatakan di bawah ini pada atau sebelum **12 tengahari, Jumaat, 25 Julai 2014**.

**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**Off Persiaran Multimedia**  
**63000 Cyberjaya**  
**Selangor Darul Ehsan**

**Tel: +603 8688 8000**  
**Fax: +603 8688 1001**  
**E-mel: [dominance@cmc.gov.my](mailto:dominance@cmc.gov.my)**  
**Untuk Perhatian: Pn Janakky Raju/Pn Nashah Bashah**

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**